

12/04/1999

Islam larang doa kematian seseorang

KOTA BHARU, Ahad - Umat Islam dilarang mendoakan keburukan atau kematian untuk sesama saudara Islam kerana urusan hidup dan mati hanya ditentukan oleh Allah.

Timbalan Mufti Kerajaan Kelantan, Datuk Mohamad Shukri Mohamad, berkata umat Islam yang mendoakan atau meminta seorang Islam yang lain supaya mati atau menyebarkan berita tidak benar hukumnya adalah berdosa.

Beliau berkata, mengikut hukum Islam setiap umatnya tidak dibenarkan meminta kepada Allah untuk kematian dirinya dan mereka juga dilarang mendoakan kematian orang lain.

"Umat Islam yang menyebarkan berita yang tidak benar juga salah mengikut hukum Islam dan mereka akan mendapat kutukan Tuhan kerana perbuatan itu menyebabkan individu terbabit difitnah.

"Mereka yang berbohong adalah berdosa dan kalau kita berdusta hukumnya akan mendapat balasan Allah," katanya kepada Berita Harian ketika dihubungi di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas laporan akhbar ini kelmarin mengenai penentang Umno kini bertindak melampaui batasan kemanusiaan apabila turut menyebarkan khabar angin kononnya Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sudah meninggal dunia.

Ahli Majlis Tertinggi Umno (MT), Datuk Mustapa Mohamed, berkata berita kematian Perdana Menteri tersebar pantas sejak dua tiga hari lalu termasuk melalui Internet sejak Dr Mahathir dimasukkan ke Institut Jantung Negara (IJN).

Malah, katanya, menerusi Internet golongan itu menghebahkan kononnya Dr Mahathir sudah meninggal dunia dua tiga hari lalu dan jenazahnya disimpan sementara menunggu masa untuk dikebumikan.

Mohamad Shukri berkata, setiap umat Islam dilarang mendoakan orang Islam yang lain supaya mati atau mendoakan keburukan bagi orang lain kerana perbuatan itu berdosa.

(END)